



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGKAITAN ANTARA KEAGRESIFAN DAN PRESTASI ATLET KARATE SUKMA PERAK 2018

AIDA BINTI AZMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGKAITAN ANTARA KEAGRESIFAN DAN PRESTASI ATLET KARATE SUKMA PERAK 2018

AIDA BINTI AZMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI BAGI MEMENUHI SYARAT BAGI MEMPEROLEH SARJANA
PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16.....(hari bulan).....12..... (bulan) 2020....

i. Perakuan pelajar :

Saya, AIDA BINTI AZMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGUATAN ANTARA REAGRESIFAN DAN PRESTASI ATLET KARATE SUKMA PERAK 2018

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Aida
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, JEFFREY LOW FOOK LEE (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGUATAN ANTARA REAGRESIFAN DAN PRESTASI ATLET KARATE SUKMA PERAK 2018

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

17/12/2020
Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. Madya DR. JEFFREY LOW FOOK LEE
PENSYARAH KANAN
JABATAN SAINS KEJURULATAN
FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJUNG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA KEAGRESIFAN DAN PRESTASI ATLET
UPDATE SUMPA PERAK 2018

No. Matrik / Matric's No.: M20172002349

Saya / I: AIDA BINTI AZMI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 16/12/2020

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
JABATAN SAINS KEJURULATIHAN
FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANIUNG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi dengan izinNya, disertasi ini telah berjaya disiapkan setelah mengharungi pelbagai cabaran dalam perjuangan menuntut ilmu sebagai anak kandung suluh budiman di bumi Muallim ini.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga, saya ucapkan kepada pensyarah penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Jeffrey Low Fook Lee yang telah banyak mencurahkan ilmu, inspirasi, bantuan, dorongan, motivasi, tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan kepada saya sepanjang saya menyempurnakan penulisan disertasi ini. Beliau adalah idola yang saya kagumi sejak sarjana muda lagi yang banyak memberikan inspirasi dalam menjalankan kajian dalam sains sukan sehingga saya memutuskan untuk memilih beliau menjadi penyelia saya. Sungguh saya amat terharu dengan semangat beliau sebagai pendidik yang tidak pernah jemu mencurahkan ilmu kepada saya tanpa mengharapkan balasan. Sesungguhnya, jasa ini akan saya kenang selamanya selagi hayat dikandung badan. Tanpa beliau saya tidak akan mampu menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Ucapan terima kasih kepada ibu saya Laila binti Ramli yang sentiasa mendoakan dan memberikan sokongan dari segi moral dan kewangan sepanjang saya menamatkan pengajian di peringkat sarjana ini. Beliau adalah insan yang terpenting dalam hidup ini yang tidak pernah menghalang minat dan impian saya.

Jutaan terima kasih turut saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan, Nor Fazila binti Abd Malek, Nor sakinah binti Mohd Hassan dan Muhamusyarrifa binti Hashim yang sentiasa membantu saya dari segi ilmu, dorongan dan pahit getir sepanjang perjalanan menyiapkan disertasi ini juga kepada insan yang banyak memberi sokongan mental dan fizikal Maisara Fadhillah binti Aris. Kalian adalah insan teristimewa dalam hati ini.

Jutaan terima kasih turut saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan UPSI yang telah banyak membantu dan berkongsi ilmu sepanjang tempoh pengajian saya di sini.

Kejarlah mimpi itu meskipun kau mengejar mimpi yang tak pasti.

AIDA BINTI AZMI

M20172002349

SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara keagresifan dengan prestasi atlet acara *kumite* pada temasya SUKMA 2018. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Model keagresifan Buss dan Perry digunakan untuk menerangkan konsep keagresifan yang terdiri daripada (a) fizikal, (b) verbal, (c) kemarahan, dan (d) ketara (*hostile*). Seramai 104 orang atlet karate terdiri daripada 52 lelaki ($M=19.05$ tahun; $SP=1.19$) dan 52 orang wanita ($M=19.6$ tahun; $SP=1.09$) daripada 14 buah negeri telah dipilih secara rawak berstrata berdasarkan jantina. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal-selidik yang diadaptasi daripada Buss and Perry Aggression Questionnaire (BPAQ). Statistik deskriptif dan inferens digunakan untuk menganalisis data seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, MANOVA, dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan daripada aspek keagresifan mengikut jantina dan kategori berat. Dalam konteks prestasi, ujian MANOVA menunjukkan atlet lelaki yang berjaya ($n = 26$) lebih agresif dari segi fizikal dan ketara [$F(3,22) = 4.78$; $p < 0.05$] dan tiada perbezaan bagi prestasi atlet wanita. Hasil ujian Khi Kuasa Dua mendapati atlet lelaki lebih berkesan menyerang berbanding wanita ($\chi^2=6.11$, $p < 0.05$). Namun, tiada perbezaan keberkesanan menahan serangan mengikut jantina. Hubungan antara keagresifan dan prestasi didapati mempunyai kolerasi yang lemah dan negatif dengan prestasi daripada aspek keagresifan fizikal ($r = -0.51$), verbal ($r = -0.45$), kemarahan ($r = -0.22$) dan ketara ($r = -0.45$). Analisis regresi menunjukkan faktor fizikal ($\beta=0.41$; $p < 0.05$) mempengaruhi tahap keagresifan atlet yang mempunyai prestasi tinggi. Kesimpulannya, data utama kajian menunjukkan untuk meningkatkan prestasi atlet perlu mengawal keagresifan. Implikasi kajian menunjukkan peningkatan prestasi atlet karate adalah bergantung kepada tahap keagresifan dan keupayaan mengawal keagresifan terutama daripada aspek fizikal dan ketara.





RELATIONSHIP BETWEEN AGGRESSION AND PERFORMANCE AMONG KUMITE KARATE ATHLETES AT 2018 SUKMA GAMES

ABSTRACT

This study aimed to determine the relationship between aggression and performance among *Kumite* karate athletes at the 2018 SUKMA Games. This study used a survey method. The Buss and Perry aggressive model was used to describe the concept of aggression consisting of (a) physical, (b) verbal, (c) anger, and (d) hostility. A sample of 204 karate athletes comprising 52 men ($M = 19.6$ year-old; $SP = 1.09$) from 14 states were randomly selected via stratified sampling based on gender. The research instrument consisted of a set of questionnaires adapted from the Buss and Perry Aggression Questionnaire (BPAQ). Descriptive and inferential statistics were used to analyze the data such as frequency, percentage, mean, standard deviation, MANOVA, and Pearson correlation. The findings showed that there were no significant differences in terms of aggression according to gender and weight category. In the context of performance, MANOVA tests showed that successful male athletes ($n = 26$) were more aggressive in terms of physical and hostility [$F(3,22) = 4.78$; $p < 0.05$]. However, there were no differences in the performance of female athletes across aggressive dimensions. The result of the Chi Square test found that the male athletes were more effective in attacking than female athletes ($\chi^2 = 6.11$, $p < 0.05$). However, there was no difference in the effectiveness of resisting attacks by gender. The relationships between aggression and performance were found to have weak and negative correlations. For instance, performance and physical aggression ($r = -0.51$), verbal ($r = -0.45$), anger ($r = -0.22$) and hostility ($r = -0.45$). Regression analysis showed that the physical factor ($\beta = 0.41$; $p < 0.05$) has influenced the level of aggression of high-performing athletes. In conclusion, the main data of the study showed that to improve the performance, the athletes need to control their aggression. Implication of the study shows that the improvement of karate athletes' performance depends on the level of aggression and the ability to control aggression, especially from the physical and hostile aspects.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Karate	12
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Hipotesis	16
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Batasan Kajian	18
1.8.1 Limitasi Kajian	19
1.8.2 Delimitasi Kajian	19

1.9 Definisi Operasional	19
1.9.1 Atlet Karate	20
1.9.2 Keagresifan	20
1.9.3 Atlet Yang Berjaya Dan Atlet Yang Tidak Berjaya	20
1.9.4 Analisis Prestasi	21
1.9.5 Taktik	21
1.10 Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	
2.2 Keagresifan Dalam Sukan	24
2.3 Analisis Prestasi	35
2.4 Rumusan	46

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	
3.2 Reka Bentuk Kajian	48
3.3 Kerangka Prosedur Penyelidikan	48
3.4 Instrumen Kajian	50
3.4.1 Keagresifan	50
3.4.2 Pengukuran BPAQ	51
3.4.3 Keagresifan Fizikal	51
3.4.4 Keagresifan Verbal	52
3.4.5 Keagresifan Kemarahan	53

3.4.6 Keagresifan Ketara	55
3.4.7 Analisis Prestasi	56
3.5 Sampel Kajian	56
3.6 Prosedur Kajian	57
3.6.1 Peserta Kajian	57
3.6.2 Soal Selidik	58
3.6.3 Tempat Dan Waktu Kajian	58
3.6.4 Rakaman Dan Encoding	58
3.6.5 Taktik	59
3.6.6 Analisis Prestasi	60
3.7 Kebolehpercayaan Data	61
3.8 Analisis Data	61
3.9 Pengiraan Taktikal	62
3.9.1 Keberkesanan Bertahan	62
3.9.2 Keberkesanan Menyerang	62
3.9.3 Kaedah Menganalisis Statistik	63
3.10 Rumusan	65

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	
4.2 Ujian Normaliti	67
4.2.1 Ujian Normaliti Keagresifan	67
4.2.2 Ujian Normaliti Prestasi	68
4.3 Ujian Inter Rater	69

4.4 Data Deskriptif Analisis Prestasi	70
4.5 Latar Belakang Demografi	70
4.6 Analisis Data Keagresifan	71
4.6.1 Jenis Keagresifan Mengikut Jantina Atlet	71
4.6.2 Jenis Keagresifan Mengikut Kategori Berat Lelaki	72
4.6.3 Jenis Keagresifan Mengikut Kategori Berat Wanita	74
4.6.4 Jenis Keagresifan Mengikut Prestasi Atlet Lelaki	77
4.6.5 Jenis Keagresifan Mengikut Prestasi Atlet Wanita	79
4.7 Analisa Data Prestasi	80
4.7.1 Analisis Taktik Mengikut Jantina	80
4.7.2 Analisis Taktik Mengikut Kategori Berat Lelaki	81
4.7.3 Analisis Taktik Mengikut Kategori Berat Wanita	83
4.7.4 Analisis Taktik Mengikut Prestasi Atlet Lelaki	85
4.7.5 Analisis Taktik Mengikut Prestasi Atlet Wanita	87
4.8 Analisis Data Hubungkaitan	88
4.8.1 Hubungkaitan Keagresifan Dan Prestasi Atlet	88
4.8.2 Hubungkaitan Keagresifan Dan Keberkesanan Menyerang Atlet Lelaki	91
4.8.3 Regresi Berganda Keagresifan Dan Keberkesanan Menyerang Atlet	92
4.7 Rumusan	93

**BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN****KAJIAN**

5.1 Pengenalan

5.2 Perbincangan Kajian 96

5.2.1 Keagresifan 96

5.2.2 Analisis Prestasi 101

5.2.3 Hubungan Antara Keagresifan Dan Prestasi 107

5.3 Kesimpulan 108

5.4 Cadangan 111

RUJUKAN 112**LAMPIRAN 119**

SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka surat
1 Pengukuran Keagresifan Fizikal	51
2 Pengukuran Keagresifan Verbal	52
3 Pengukuran Keagresifan Kemarahan	53
4 Pengukuran Keagresifan Fizikal	55
5 Garis Panduan Taktik	59
6 Template	60
7 Jenis Statistik Yang Digunakan Mengikut Hipotesis	63
8 Ujian Normaliti Keagresifan	67
9 Ujian Normaliti Prestasi Atlet	68
10 Data Deskriptif Analisis Prestasi	69
11 Latarbelakang Demografi Jantina	69
12 Jenis Keagresifan Mengikut Jantina	70
13 Jenis Keagresifan Mengikut Kategori Berat Atlet Wanita	72
14 Jenis Keagresifan Mengikut Kategori Berat Atlet Lelaki	74
15 Jenis Keagresifan Mengikut Atlet Lelaki Berjaya Dan Tidak	77
16 Jenis Keagresifan Mengikut Atlet Wanita Berjaya Dan Tidak	79
17 Taktik Menyerang Dan Bertahan Mengikut Jantina	81
18 Taktik Menyerang Dan Bertahan Mengikut Kategori Lelaki	82
19 Taktik Menyerang Dan Bertahan Mengikut Kategori Wanita	84



20	Taktik Menyerang Dan Bertahan Mengikut Prestasi Berjaya Dan Tidak Berjaya Atlet Lelaki	86
21	Taktik Menyerang Dan Bertahan Mengikut Prestasi Berjaya Dan Tidak Berjaya Atlet Wanita	86
22	Hubungkaitan Antara Keagresifan Dan Prestasi Atlet Berjaya Dan Tidak Berjaya	89
23	Hubungkaitan Antara Keagresifan Dan Keberkesanan Menyerang Atlet Lelaki	92
24	Regrasi Berganda Keagresifan	93





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

3.1

Carta Alir Kerangka Konseptual Penyelidikan

49





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Bab ini akan membincangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan. Perbincangan meliputi latar belakang SUKMA, karate, keagresifan dan analisis prestasi. Seterusnya, pernyataan masalah yang menghuraikan rasional berkenaan dalam penyelidikan ini. Selain itu, bab ini juga akan mengemukakan objektif, persoalan dan hipotesis kajian yang dibentuk selaras dengan konseptual kajian ini. Di akhir bab akan membincangkan kepentingan dan batasan kajian serta definisi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.





1.2 Latar belakang

Sukan Malaysia (SUKMA) adalah temasya sukan remaja kebangsaan di bawah anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia, Majlis Olimpik Malaysia, Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negeri. SUKMA pertama kalinya telah diadakan di Kuala Lumpur dari 19 hingga 26 April pada tahun 1986 disertai oleh 3849 orang atlet dari tiga belas negeri Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). SUKMA diadakan dua tahun sekali dan acara sukan yang wajib dipertandingkan adalah karate, taekwando, silat, akuatik (renang dan terjun), badminton, berbasikal, gymnastik, hoki, boling padang, memanah, wushu, skuasy, tenpin boling, menembak, olahraga, pelayaran, bola sepak, sepak takraw dan angkat berat. Manakala bagi sukan pilihan adalah akuatik (renang berirama dan *water polo*), bina badan, bola jaring, bola keranjang, bola tampar, petanque, judo, tinju, tenis, kriket, softball, muay thai dan ragbi. Kelayakan umur atlet yang terlibat adalah di bawah dua puluh satu tahun dan lima belas kontinjen negeri akan mengambil bahagian di temasya sukan ini termasuk Negara Brunei Darussalam sebagai jemputan (SUKMA, 2018). Pada tahun 2018, Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) telah memilih negeri Perak sebagai penganjur (SUKMA) kali ke 19 bermula pada 14hb hingga 22hb September 2018. Tiga puluh satu acara telah dipertandingkan dan sukan Karate adalah salah satu acara yang terlibat (MSNP, 2018).

Kejayaan atlet dalam penglibatan sukan bukan sahaja bergantung kepada kemahiran teknikal dan taktikal, tetapi juga psikologikal. Acara sukan seperti sukan tempur yang mempertarungkan dua orang atlet dan atlet yang lebih agresif seringkali





akan memperoleh kemenangan (Graczyk, Hucinski, Norkowski, Graczyk & Rozanowska, 2010). Menurut Kerr, (2014) keagresifan dalam sukan adalah tingkahlaku yang diperlukan atlet bagi meningkatkan kebangkitan (*arousal*) semasa perlawanan. Oleh itu, tingkahlaku agresif atlet dalam sesuatu perlawanan bagi meraih kemenangan adalah sesuatu yang semulajadi (Anderson & Bushman, 2018). Manakala Tenenbaum, Stewart, Singer, dan Duda, (1997) berpendapat bahawa keagresifan adalah keinginan seseorang atlet menimbulkan rangsangan yang buruk kepada pihak lawan untuk meningkatkan penguasaan mental semasa perlawanan yang melibatkan fizikal, verbal, kemarahan dan ketara. Di dalam sukan *contact* seseorang atlet harus mempunyai daya saing dan berupaya untuk agresif untuk mencapai kemenangan dalam pertandingan (Maxwell & Moores, 2007).



untuk mencederakan pihak lain (De Wall, Anderson & Bushman, 2012; Young, 2013). Menurut Sofia dan Cruz, (2017), keagresifan atlet adalah berbeza mengikut jenis jantina dan sukan seperti sukan tempur. Di dalam sukan tempur seperti karate, tindakan agresif fizikal adalah secara terkawal dan tindakan yang mencederakan pihak lawan adalah tidak dibenarkan di dalam peraturan permainan (WKF, 2018). Namun demikian, di dalam sukan tempur yang lain seperti *Mixed Martial Art* (MMA) tindakan mencederakan pihak lawan dan keagresifan fizikal adalah dibenarkan dalam peraturan perlawanan (Collier, Johnson, & Ruggiero, 2011). Oleh itu, keperluan jenis dan tahap keagresifan dalam sukan adalah berbeza mengikut peraturan permainan.

Secara umumnya, definisi keagresifan dapat dilihat melalui tiga ciri-ciri utama (Keeler, 2007). Pertama, keagresifan merupakan tingkahlaku yang boleh dilihat.





Kedua, perbuatan itu disengajakan dengan bermatlamat. Ketiga, perbuatan tersebut melibatkan manusia. Definisi keagresifan secara sosialnya, bahawa ciri personaliti yang ditunjukkan oleh seseorang seperti kecenderungan untuk menyerang, permusuhan yang tidak jelas dan persaingan yang berlebihan (Sofia & Cruz, 2017).

Selain itu, keagresifan boleh berlaku sama ada secara fizikal, lisan, atau ejekan oleh seseorang terhadap seseorang yang lain. Keagresifan juga bukanlah satu sikap, tetapi ianya merupakan tingkah laku (Kerr, 2014). Dalam sukan, keagresifan boleh berlaku akibat daripada perbuatan yang dilakukan oleh para atlet, jurulatih, dan penonton. Keagresifan adalah berbeza dengan keganasan (*violence*). Keganasan merujuk secara khusus kepada komponen keagresifan fizikal. Ianya merujuk kepada tingkah laku yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan persaingan dalam matlamat sukan, dan ianya dikaitkan dengan keagresifan yang tidak terkawal, di luar peraturan sukan, dan bukannya tingkah laku yang kompetitif (Young, 2013). Dengan kata lain, keganasan boleh disamakan dengan perbuatan agresif yang menyalahi undang-undang. Terdapat tiga jenis keagresifan umum di dalam sukan iaitu keagresifan ketara, instrumental dan asertif.

Keagresifan di dalam sukan umumnya boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu keagresifan ketara (*hostile*) keagresifan instrumental dan keagresifan asertif (Keeler, 2007). Bagi individu yang mempunyai keagresifan ketara, matlamat utama untuk mencederakan pihak lawan dan tindakan tersebut akan disertai dengan kemarahan dan keganasan (Bartlett, Abrams, Byrd, Treankler & Norton, 2018). Contohnya, seorang atlet karate menyerang pihak lawan dengan tumbukan dan tendangan walaupun masa perlawanan telah tamat. Manakala individu yang





mempunyai keagresifan jenis instrumental bermatlamat mencederakan pihak lawan dengan niat untuk memperoleh kemenangan dan ganjaran. Contohnya, atlet karate menendang pihak lawan di bahagian lutut bertujuan untuk melemahkan pihak lawan. Namun begitu, tindakan tersebut tidak disertai dengan kemarahan. Seterusnya, keagresifan jenis asertif adalah keagresifan untuk mendominasi pihak lawan bukannya untuk mencederakannya contohnya, atlet karate menendang di bahagian di bahagian kepala untuk mendapatkan markah lebih (Young, 2013). Tindakan tersebut melibatkan penggunaan fizikal dengan cara yang dibenarkan mengikut undang-undang untuk mencapai kemenangan (Keeler, 2007).

Perbezaan antara keagresifan ketara dan instrumental dapat dilihat melalui dua ciri utama iaitu perlakuan tindakan dan jenis tindakan keagresifan tersebut (Kerr, 2005).

Matlamat utama kedua-dua keagresifan ini adalah untuk mencederakan pihak lawan.

Namun, perlakuan keagresifan jenis ketara akan melibatkan tindakan kemarahan yang tidak terkawal sementara keagresifan instrumental tidak melibatkan kemarahan. Perlakuan yang tidak terkawal ini akan menyebabkan seseorang melakukan keagresifan di luar kawalan sehingga membahayakan keselamatan pihak lawan. Menurut Đurič, Hotár dan Pastinka, (2000), individu yang melakukan tindakan jenis ketara akan menjadi ganas dan meningkatkan peluang untuk menimbulkan kesakitan atau kemarahan kepada penerimanya. Contohnya, seorang pemain telah menerjah betis penyerang pihak lawan yang baru menjaringkan gol dalam perlakuan merebut bola. Tindakan tersebut adalah jelas menyalahi undang-undang dan boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti digantung perlawanan (Kerr, 2005).





Hal ini berbeza dengan keagresifan instrumental, perlakuan tindakan tidak disertai dengan perasaan marah yang tidak terkawal. Menurut Young, (2013), jenis tindakan keagresifan instrumental adalah secara terkawal dan lebih terancang. Contohnya, atlet sukan taekwondo mengetahui pihak lawan mengalami kecederaan di peha kiri. Oleh itu, atlet tersebut menumpukan serangan di bahagian tersebut beserta dengan jeritan bertujuan untuk melemahkan pihak lawan dari segi fizikal dan psikologi. Tindakan ini adalah semata-mata untuk meraih kemenangan atau kelebihan dan bukan bermatlamat sepenuhnya membuatkan pihak lawan menderita (Krahé, 2013).

Dalam konteks sukan, keagresifan jenis asertif adalah diperlukan kerana ia adalah sebagai satu strategi taktikal yang dibenarkan mengikut peraturan permainan dan berkesan untuk memenangi pertandingan (Sofia & Cruz, 2017). Contohnya, atlet karate menumpu tumbukan atau tendangan di bahagian kepala untuk mendapatkan markah maksimum bagi memenangi sesuatu pertandingan, kerana sasaran tendangan tepat ke bahagian kepala akan menghasilkan markah yang lebih. Walau bagaimanapun, jika atlet tersebut tidak mengawal keagresifan, melanggar undang-undang perlawanan dan bermatlamat untuk mencederakan pihak lawan, keagresifan itu boleh dikategorikan sebagai keagresifan ketara atau instrumental (Grange & Kerr, 2010; Tenenbaum, Stewart, Singer & Duda, 1997; Wann, Carlson & Schrader, 1999). Namun demikian, Abrams (2010) berpendapat bahawa sukan tempur memerlukan keagresifan jenis instrumental kerana sukan tempur melibatkan kekuatan fizikal dan individu yang agresif akan berupaya untuk menang.

Walaupun perdebatan berterusan mengenai sejauh mana hubungan sukan tempur dikaitkan dengan keagresifan ketara (Kerr, 2005), kerana ada setengah





penyelidikan yang menyatakan tiada bukti mengenai kecenderungan keagresifan ketara dalam kalangan atlet sukan tempur kerana kelemahan kajian keagresifan lepas yang menggunakan soal selidik dan dapatan kajian yang diperolehi tentang keagresifan atlet adalah berbentuk lapor sendiri peserta kajian tersebut (Kimble, Russo, Bergman & Galindo, 2010). Oleh itu, setengah atlet tidak akan mendedahkan sikap atau tingkahlaku keagresifan mereka apabila dikaji melalui soal selidik.

Terdapat empat *trait* keagresifan yang telah dibincangkan oleh Buss dan Perry, (1992) iaitu *trait* fizikal, verbal, kemarahan dan ketara. Dalam sukan tempur, *trait* fizikal adalah diperlukan untuk menang. Atlet yang mempunyai kelebihan dalam kekuatan fizikal akan mendapat kelebihan dalam melakukan serangan secara agresif dan mendapat skor mata berbanding atlet yang tidak mempunyai kelebihan dalam kekuatan fizikal dan kurang melakukan serangan (Collier, 2011). Atlet yang terlibat dalam sukan tempur harus agresif untuk tindakan fizikal menyerang balas untuk menang (Collier, 2011).

Menurut Sofia dan Cruz, (2017), *trait* keagresifan fizikal adalah seseorang menggunakan kekuatan fizikal atau objek untuk mencederakan individu. Contohnya, picer softball membalik bola ke arah kepala pihak lawan kerana tidak berpuas hati dengan keputusan perlawanan. Young, (2013) mendefinisikan keagresifan fizikal sebagai satu respon semulajadi tingkahlaku seseorang hasil daripada gangguan emosi yang melibatkan kemarahan dan verbal. Menurut Buss dan Perry, (1992), atlet akan bertindak secara agresif sekiranya atlet merasa tidak selamat dan melindungi hak seperti kemenangan. Oleh itu, matlamat inginkan kemenangan menyebabkan atlet bermain secara agresif dan menggunakan kekuatan fizikal sehingga mencederakan pihak lawan.





Kerr dan Grange (2009) mendefinisikan keagresifan verbal sebagai serangan terhadap emosi kepada seseorang melalui proses komunikasi. Keagresifan verbal tidak melibatkan sentuhan kepada badan dan mendatangkan kecederaan kepada pihak lawan (Merrell, Buchanan, & Tran, 2006). Namun, ia akan membawa kepada kesakitan kepada psikologi kognitif dan melibatkan emosi seseorang terganggu (Kerr, 2005). Terdapat dua jenis keagresifan verbal iaitu secara langsung dan tidak langsung (Young, 2013). Keagresifan verbal secara langsung adalah melabelkan seseorang individu melalui keagresifan verbal, ugutan, jeritan dan melabelkan panggilan nama individu melalui objek yang negatif manakala tidak langsung melibatkan perbualan negatif mengenai seseorang individu (Young, 2013).

Menurut Kuśnierz dan Bartik, (2014) keagresifan verbal melibatkan kesakitan psikologikal kepada individu melalui perkataan iaitu seseorang individu memberitahu seseorang secara terbuka berkenaan dengan konsep sendiri seseorang sekiranya dia tidak bersetuju atau tidak bersependapat dengan mereka. Contohnya, atlet tinju yang berjaya ke peringkat suku akhir telah mengkritik prestasi pihak lawan yang akan dihadapinya di peringkat suku akhir dengan kritikan secara negatif kepada pihak media sehingga menyebabkan pihak lawan merasa tidak yakin akan kebolehan diri dan merasa gerun untuk berhadapan dengan atlet tersebut.

Dalam sukan tempur, keagresifan verbal adalah sebahagian daripada strategi psikologi semasa perlawanan untuk menang contohnya sukan seperti sukan tinju (Ahmadi, Besharat, Azizi & Larijani, (2011). Sesetengah sukan membenarkan atlet untuk berkomunikasi dengan rakan pasukan dan jurulatih dan ianya adalah sebahagian daripada perlawanan terutamanya sukan tempur (Kuśnierz, & Bartik, 2014). Menurut





Kerr dan Grange (2009) komunikasi interpersonal dan keagresifan verbal adalah satu strategi perlawanan yang memberi manfaat kepada atlet untuk mengubah keadaan mental pihak lawan. Oleh itu, keagresifan verbal boleh dijadikan satu strategi psikologi dalam sukan karate untuk menang perlawanan mengikut garis panduan permainan yang telah ditetapkan contohnya, rakan pasukan memberikan kata-kata sokongan seperti ‘Bertahan dan lakukan serangbalas bahagian kepala sehingga pihak lawan tidak berdaya, tumbuk dan tendang pihak lawan sehingga tumbang’.

Trait keagresifan dalam bentuk kemarahan adalah seseorang yang mengalami tekanan emosi akibat daripada kecewa dengan sesuatu perlawanan (Bartlett, Abrams, Byrd, Treankler dan Norton, (2018). Menurut Maxwell & Moores, (2007), trait kemarahan adalah tindakan daripada persekitaran, provokasi daripada pihak lawan dan bicara sendiri yang negatif. Definisi bagi kemarahan ditakrifkan sebagai satu penilaian yang subjektif kerana ia melibatkan rangsangan fisiologi hasil daripada ancaman kepada kesejahteraan fizikal atau psikologi seseorang (Maxwell & Moores, (2007). Kemarahan adalah trait penting yang mempunyai hubungkaitan dengan keagresifan (Sherrill, & Bradel, 2017; Sofia & Cruz, 2016; Sofia, & Cruz, 2017). Menurut Sofia dan Cruz, (2017), trait kemarahan boleh meningkatkan dan menurunkan prestasi seseorang atlet kerana kemarahan yang terkawal akan menyebabkan atlet lebih bermotivasi manakala trait kemarahan yang tidak terkawal akan mengganggu tumpuan atlet dalam perlawanan. Para penyelidik menyatakan bahawa trait kemarahan dalam sukan adalah satu emosi yang biasa kerana takut kegagalan menyebabkan individu bertindak dengan lebih agresif (Sagar, Boardley, & Kavusannu, 2011).





Menurut Young, (2013), terdapat tiga faktor yang membawa kepada tingkah laku keagresifan. Faktor pertama adalah naluri penyebab biologi, yang menunjukkan bahawa individu mempamerkan tingkahlaku agresif kerana merasa tidak selamat dengan musuh dan tingkahlaku keagresifan ditunjukkan adalah secara semulajadi sebagai manusia. Faktor kedua terdiri daripada kekecewaan, Dollard, Doob, Miller, Mowrer, dan Sears, (1939) berpendapat bahawa seorang individu bertindak secara agresif kerana kekecewaan. Faktor yang ketiga adalah tingkah laku yang dipelajari yang menegaskan bahawa seseorang tidak agresif dan agresifnya muncul sebagai hasil sosialisasi (Bandura, Ross, & Ross, 1961).

Faktor lain yang membawa kepada keagresifan ialah atlet takut untuk menerima kegagalan iaitu inginkan kesempurnaan, faktor genetik dan persekitaran. Sagar, Boardley, dan Kavusannu (2011) menyatakan bahawa takut untuk mengalami kegagalan dan inginkan kesempurnaan dalam sesuatu perlawanan dalam kalangan atlet adalah faktor yang membawa kepada tingkahlaku keagresifan. Atlet akan bertindak secara agresif semasa perlawanan kerana bermatlamat untuk mengekalkan atau meningkatkan prestasi dan bimbang akan kritikan daripada jurulatih, rakan pasukan dan penyokong. Para penyelidik menyatakan bahawa kemarahan adalah hasil yang biasa kerana takut akan kegagalan menyebabkan individu akan bertindak dengan agresif (Sagar, Boardley, & Kavusannu, 2011). Menurut Gucciardi, Mahoney, Jalleh, Donovan dan Parkes, (2012), atlet lelaki lebih cenderung bertindak agresif berbanding wanita apabila kegagalan berlaku dalam perlawanan. Perbezaan keagresifan antara atlet lelaki dan wanita dapat dijelaskan dengan perbezaan genetik kadar hormon *testosterone* atlet lelaki (Carré, Campbell, Lozoya, Goetz, & Welker, ,2013). Selain itu, atlet elit mengharapkan kesempurnaan dalam usaha mencapai kemenangan, dan mungkin





bertindak balas secara negatif iaitu agresif jika dinafikan peluang untuk berjaya (Gucciardi et al., 2012).

Dalam penyelidikan psikologi terdahulu, pelbagai teori tentang keagresifan telah dibincangkan. Sebagai contoh, mengikut teori kekecewaan agresif (*frustration-aggression*), ia berkaitan dengan sikap agresif yang berlaku disebabkan oleh perasaan kecewa pada diri seseorang berikutan berlakunya kegagalan (Dollard, Miller, Doob, Mower, & Sears 1939). Namun begitu, teori ini tidak diterima sepenuhnya kerana tidak semestinya orang kecewa akan menyebabkan berlakunya sikap agresif dalam sesuatu aktiviti sukan. Malah, menurut De Wall, Anderson dan Bushman, (2012) seseorang yang kecewa tidak akan mempamerkan sikap agresif sewenangnyanya dalam sukan. Satu teori yang sering digunakan untuk menerangkan pembentukan keagresifan ialah teori pembelajaran sosial Bandura (1973). Teori tersebut mencadangkan bahawa seseorang akan ‘belajar’ atau membentuk tingkahlaku keagresifan melalui tingkahlaku agresif individu lain atau persekitaran (Bandura, Ross, & Ross, 1961).

Beberapa pengkaji lepas menggunakan teori pembelajaran sosial Bandura (1973) sebagai kerangka teori kajian mereka kerana teori ini lebih sesuai digunakan di dalam situasi sukan (Ahmadi, Besharat, Azizi & Larijani, 2011; Krishnaveni & Shahin, 2014; Keeler 2007). Contohnya, di dalam kajian Ahmadi et al, (2011) yang melihat hubungkaitan antara kemarahan dan keagresifan di dalam sukan tempur membuat kesimpulan terhadap teori tersebut bahawa seseorang atlet tempur ‘belajar’ keagresifan kerana menonton perlawanan pemain idolanya secara agresif. Keeler (2007) turut menyimpulkan teori tersebut di dalam kajiannya mengenai keagresifan di dalam perbezaan sukan tempur dan bukan sukan tempur bahawa seseorang atlet ‘belajar’





keagresifan melalui jurulatih kerana amalan yang di amalkan di dalam sesuatu sukan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan teori Bandura (1973) sebagai panduan kerana atlet dalam sukan tempur akan ‘belajar’ atau membentuk tingkahlaku keagresifan melalui tingkahlaku agresif individu lain atau persekitaran.

1.2.1 Karate

Sukan Karate telah berkembang dari seni bela diri tradisional menjadi sukan tempur moden. Sukan karate akan dipertandingkan buat pertama kalinya di Olimpik pada tahun 2020, dan dua acara yang akan di pertandingkan adalah acara *kata* dan *kumite* (Frigout, Laporte & Lepresle, 2017). *Kumite* adalah sinonim bagi *sparring* yang melibatkan pertempuran dengan pihak lawan (Macan, Bundalo & Romic, 2006). *Kata* pula mewakili seni bentuk atau teknik yang disusun untuk memperlihatkan kaedah serangan, pertahanan dan serangan balas. Kejohanan Karate Kejohanan dunia pertama juga telah diadakan di Tokyo pada tahun 2000, dan sejak itu karate telah menjadi sebahagian daripada banyak acara sukan antarabangsa contohnya, Pertandingan Kontinental dan Pertandingan Karate Sedunia (Chaabène, Hachana, Franchini, Mkaouer, & Chamari, 2012). Pada tahun ini, karate turut tersenarai dalam sukan SUKMA kali ke 19 di Perak (SUKMA, 2018) dan Sukan Asia ke 18 di Jakarta Palembang , Indonesia.

Tempoh pertandingan *Kumite* adalah tiga minit untuk lelaki dewasa dan dua minit untuk wanita dewasa manakala tempoh perlawanan untuk atlet remaja untuk kedua-dua jantina akan berlangsung selama dua minit (WKF, 2018). Pemarkahan *Kumite* adalah seperti berikut: a) *Ippon* yang bermaksud tiga mata diberikan untuk





tendangan yang kena kepada muka, leher dan kepala. Tendangan tersebut dikenali sebagai *Jodan*; b) *Waza-ari* (dua mata) akan diberikan melalui tendangan yang kena pada perut, dada, belakang dan sisi manakala c) *Yuko* (satu mata) akan diberikan untuk sebarang tumbukan (*tsuki*) dan pukulan (*uchi*) dengan tangan (Tabben, Coquart, Chaabène, Franchini, Ghoul, & Tourny, 2015).

Analisis prestasi (*performance analysis*) ialah satu sub disiplin sains sukan yang menganalisis prestasi atlet sukan semasa latihan atau pertandingan secara objektif. Analisis prestasi merangkumi beberapa sub bidang antaranya: fisiologi (Chaabène, et al 2014, Chaabène, et al 2015, dan Thomson, & Lamb, 2017) teknik-teknik pemarkahan (Laird dan McLeod, 2009), masa pergerakan (Sterkowicz-Przybycień, Miarka & Fukuda, 2017), teknikal dan taktikal (Tan & Krasilshchikov, 2015). Perkara yang membezakan analisis prestasi dengan sub disiplin sains sukan yang lain adalah analisis prestasi dapat menganalisis prestasi atlet secara objektif. Contohnya kekerapan dan keberkesanan tendangan atlet karate semasa pertandingan berbanding dengan sub disiplin sains sukan lain seperti biomekanik yang hanya menganalisis pergerakan untuk meningkatkan prestasi tetapi bukan melihat kepada prestasi semasa.

Taktik merupakan satu perancangan permainan sebelum dan semasa perlawanan dengan mengetahui kelemahan pihak lawan dan kekuatan diri sendiri. Miarka, dal Bello, Brito dan Amtmann, (2018) menyatakan taktik adalah merujuk kepada perancangan permainan dan ia merupakan elemen yang amat penting sekali dalam sukan. Dalam sukan karate taktik adalah dikenali sebagai tindakan menyerang, menyerang balas dan menahan serangan (Ashker, 2011).





1.3 Pernyataan Masalah

Kunci prestasi sesebuah pasukan bergantung kepada empat komponen iaitu fizikal, teknikal, taktikal dan psikologi. Di dalam konteks psikologi sukan, tahap keagresifan atlet diukur melalui kaedah soal selidik yang hasilnya adalah bergantung kepada jawapan sendiri oleh responden. Contohnya, kajian keagresifan sukan oleh Kuśnierz dan Bartik, (2014) ke atas atlet sukan tempur telah menggunakan soal selidik *Buss–Perry Aggression Questionnaire* (BPAQ; Buss & Perry, 1992) untuk menentukan tahap keagresifan. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa atlet *Ju-Jitsu* mempunyai tahap keagresifan fizikal dan verbal yang paling tinggi, diikuti tinju dan karate. Atlet yang tidak terlibat dalam sukan tempur mempunyai tahap agresif jenis verbal dan keagresifan ketara yang lebih tinggi berbanding sukan lain. Sukan karate menunjukkan tahap keagresifan fizikal, verbal, kemarahan dan keagresifan ketara yang paling rendah berbanding sukan lain. Dapatan Kuśnierz dan Bartik, (2014) ini menyimpulkan walaupun penglibatan dalam sukan tempur adalah agresif, tahap keagresifan adalah berbeza mengikut disiplin amalan sukan tempur dan hal ini telah menepis stereotaip yang menyatakan bahawa sukan tempur menyebabkan tingkahlaku yang agresif berbanding yang tidak terlibat dalam sukan tempur. Namun demikian, kajian tersebut hanya menumpukan berdasarkan laporan sendiri tahap keagresifan semasa latihan dan bukan kepada situasi sebenar semasa pertandingan. Setelah mencari kajian berkaitan secara ekstensif, didapati tiada kajian yang mengaitkan keagresifan dari aspek prestasi semasa pertandingan.

Oleh itu, keagresifan boleh ditunjukkan dengan menganalisis prestasi semasa pertandingan dengan mengambil peserta kajian yang terdiri daripada atlet elit. Melalui





analisis prestasi, keagresifan boleh dikaji dengan lebih jelas melalui perlakuan yang dipamerkan semasa pertandingan. Menganalisis prestasi seperti kekerapan perlakuan teknikal sesuatu kemahiran taktikal seperti lebih banyak menyerang atau bertahan diharap dapat dikaitkan dengan tret keagresifan seseorang (Chaabène, Franchini, Miarka, Selmi, Mkaouer & Chamari 2014, Mayes, O'Donoghue, Garland & Davidson 2009).

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah menilai keagresifan dalam kalangan atlet karate dan prestasi atlet berjaya dan tidak berjaya serta menilai hubungkaitan antara keagresifan prestasi



atlet karate atlet karate perak SUKMA 2018.

1.5 Objektif Kajian

Di dalam kajian ini, beberapa objektif telah digariskan sebagai garis panduan penguji untuk untuk membantu menjalani kajian sehingga mencapai tujuannya. Objektif-objektif adalah seperti berikut:

1. Menilai jenis keagresifan atlet karate acara *kumite* SUKMA Perak mengikut jantina





2. Menilai jenis keagresifan atlet karate acara *kumite* SUKMA Perak mengikut kategori berat
3. Menilai jenis keagresifan atlet karate acara *kumite* SUKMA Perak mengikut prestasi berjaya dan tidak berjaya
4. Menganalisis keberkesanan kekerapan taktik atlet karate acara *kumite* mengikut jantina
5. Menganalisis keberkesanan kekerapan taktik atlet karate acara *kumite* mengikut kategori berat
6. Menganalisis keberkesanan kekerapan taktik atlet karate acara *kumite* mengikut prestasi berjaya dan tidak berjaya
7. Menganalisis hubungkait antara keagresifan dengan analisis prestasi atlet acara *kumite* SUKMA Perak?



1.6 Hipotesis kajian

Di dalam kajian ini, hipotesis nul digunakan oleh penguji untuk menyatakan tiada hubungkait yang berlaku antara dua pembolehubah semasa menjalankan kajian sehingga diuji secara statistik. Hipotesis yang telah digubal adalah seperti berikut:

1.6.1 Ho1 : Tiada perbezaan signifikan jenis keagresifan atlet karate acara *kumite* SUKMA Perak mengikut jantina

1.6.2 Ho2 : Tiada perbezaan signifikan jenis keagresifan atlet karate acara *kumite* SUKMA Perak mengikut kategori berat





- 1.6.3 Ho3 : Tiada perbezaan signifikan jenis keagresifan atlet karate acara *kumite* SUKMA Perak mengikut prestasi berjaya dan tidak berjaya?
- 1.6.4 Ho4 :Tiada perbezaan signifikan keberkesanan kekerapan taktik atlet karate acara *kumite* mengikut jantina
- 1.6.5 Ho5: Tiada perbezaan signifikan keberkesanan kekerapan taktik atlet karate acara *kumite* mengikut kategori berat
- 1.6.6 Ho6 : Tiada perbezaan signifikan keberkesanan kekerapan taktik atlet karate acara *kumite* mengikut prestasi berjaya dan tidak berjaya
- 1.6.7 Ho7: Tiada perbezaan hubungkaitan antara keagresifan dengan analisis prestasi atlet acara *kumite* SUKMA Perak



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini di harap dapat menjadi panduan kepada pengurus pasukan, jurulatih, ketua pasukan dan atlet-atlet yang terlibat untuk meningkatkan mutu prestasi sukan karate dengan menambah pengetahuan baru mengenai keagresifan dan analisis prestasi. Jurulatih bukan sahaja dapat merancang strategi atau kaedah latihan yang sesuai, malah dapat meningkatkan persediaan psikologikal dan fizikal atlet karate semasa pertandingan pada masa akan datang. Atlet akan dapat memanipulasikan gerakan pihak lawan berdasarkan tingkahlaku keagresifan yang ditunjukkan. Contohnya, atlet melakukan teknik bertahan setelah pihak lawan menyasarkan tendangan di bahagian kepala dan membalas serangan dengan tumbukan tepat di kepala setelah pihak lawan hilang tumpuan.





Selain dapat mengenali jenis keagresifan, kajian ini juga merupakan asas psikologi dalam pembentukan sukan tempur yang mantap dari segi fizikal mahupun mental dalam menghadapi situasi-situasi perlawanan yang melibatkan tindakan agresif dari pihak lawan. Melalui analisis prestasi semasa pertandingan, seperti kemahiran menendang dan menumbuk serta taktikal seperti menyerang dan bertahan, Ia boleh dijadikan satu panduan untuk jurulatih merancang strategi untuk atlet bertindak semasa pertandingan yang lain di mana dapat membantu memahami beberapa perkara berkaitan keagresifan serta memaksimumkan interaksi yang lebih positif antara individu.

Dalam psikologi sukan, keagresifan merupakan salah satu aspek yang dikaji. Namun demikian, kajian-kajian berkaitan keagresifan sebelum ini hanya menggunakan lapor sendiri. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungkaitan antara keagresifan dan prestasi atlet SUKMA perak. Selain menggunakan kaedah lapor sendiri, penguji menggunakan analisis prestasi dalam situasi pertandingan. Oleh itu, dapatan kajian akan menambahkan pengetahuan baru kepada bidang psikologi sukan dengan menjadikan dapatan sebagai rujukan asas untuk penyelidik lain dalam mengembangkan bidang ilmu psikologi sukan dengan kajian yang lebih terkini.

1.8 Batasan

Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira batasan yang akan dihadapi oleh penyelidik semasa proses penyelidikan. Batasan tersebut merangkumi limitasi dan delimitasi kajian.





1.8.1 Limitasi

Limitasi kajian merujuk kepada kemungkinan wujudnya kelemahan kajian yang di luar kawalan yang melibatkan parameter dalam metodologi kajian seperti pemilihan sampel bukan rawak, saiz sampel yang kecil, kesan pemboleh ubah luaran atau variabel moderator yang di kenalpasti yang boleh memberi kesan kepada kajian ini. Kajian keagresifan atlet karate dijalankan dengan menggunakan kaedah lapor sendiri. Oleh itu, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklum balas melalui soal selidik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soal selidik.

1.8.2 Delimitasi



Delimitasi kajian adalah penerangan kepada perkara-perkara utama dalam kawalan pillihan yang menjadi fokus kajian ini. Antara delimitasi kajian ini adalah penyelidik hanya menetapkan responden dalam kalangan atlet karate acara *kumite* sahaja dalam SUKMA Perak.

1.9 Definisi operasional

Pelbagai pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Pengertian terhadap definisi dalam kajian ini adalah seperti berikut:



1.9.1 Atlet karate

Peserta yang terlibat di dalam kajian ini adalah terdiri daripada atlet karate yang terpilih dalam acara *kumite* SUKMA Perak 2018. Acara *kumite* dipilih kerana atlet acara ini lebih cenderung melakukan tindakan keagresifan kerana melibatkan dua orang yang bertarung dan bersaing kekuatan (Macan, Bundalo & Romic, 2006).

1.9.2 Keagresifan

Keagresifan boleh didefinisikan sebagai apa jua bentuk tindakan dan perlakuan yang bermatlamat untuk menyebabkan kecederaan ke atas manusia dan bermotivasi untuk mengelakkan diri daripada mengalami kecederaan. Di dalam kajian ini, keagresifan yang ingin dilihat adalah keagresifan fizikal, verbal, kemarahan dan ketara. Ciri-ciri keagresifan tersebut boleh di ukur melalui soal selidik BPAQ (1992).

1.9.3 Atlet Yang Berjaya Dan Atlet Yang Tidak Berjaya

Atlet yang berjaya di dalam kajian ini adalah ditentukan berdasarkan kepada kelayakan atlet yang layak ke suku akhir. Atlet yang berjaya melayakkan diri ke suku akhir dikira sebagai menang manakala atlet yang tidak layak adalah di kira sebagai kalah merujuk kepada Suppiah, Joummy, Abdullah, Maliki, Musa, Mat-Rasid dan Juahir, (2017).



1.9.4 Analisis Prestasi

Analisis prestasi adalah salah satu kaedah yang digunakan untuk menganalisis prestasi atlet. Di dalam kajian ini, perisian *longomatch* digunakan untuk mengira kekerapan menyerang, menyerangbalas dan menahan serangan atlet karate. 104 perlawanan yang telah dirakam semasa temasya di analisis mengikut pengekodan *template* karate merujuk kepada Tabben, Coquart, Chaabene, Franchini, Ghoul, dan Tourny (2015). Seterusnya, jumlah kekerapan menyerang, menyerangbalas dan menahan serangan akan dikira berdasarkan formula (Ashker, 2011). Melalui analisis prestasi, jurulatih dan atlet dapat merancang dan membuat keputusan yang lebih tepat untuk merancang program latihan yang bersistematik dan lebih bersedia untuk menghadapi pertandingan yang sebenar.



1.9.5 Taktik

Terdapat tiga jenis taktik dalam sukan tempur antaranya taktik serangan, menyerangbalas dan menahan serangan. Menurut Tabben, Coquart, Chaabène, Franchini, Ghoul, dan Tourny (2015), Taktik serangan adalah atlet menggunakan strategi menyerang menggunakan kemahiran tumbukan atau tendangan untuk memberi tekanan kepada pihak lawan manakala taktik menyerang balas adalah perlakuan tindakbalas atlet untuk menyerang secara tepat atau tidak tepat kepada pihak lawan. Seterusnya, taktik menahan serangan adalah atlet menggunakan kemahiran seperti menepis apabila di tendang atau di tumbuk secara tepat bagi mengelakkan pihak lawan mendapatkan mata kemenangan.





1.10 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah menerangkan secara terperinci mengenai latar belakang kajian, definisi keagresifan, pernyataan masalah, persoalan dan kerangka konseptual. Bab ini merupakan asas rujukan bagi penyelidik dalam menjalankan kajian bagi menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian mencapai objektif yang diinginkan.

